

25/01/2002

RHB boleh kekal bank teras: PM

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata bahawa RHB Bank Bhd (RHB Bank), iaitu bank ketiga terbesar tempatan boleh kekal sebagai bank teras atau memilih untuk bergabung dengan bank tempatan lain.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan memang mengalak 10 bank teras yang sudah dikenal pasti termasuk RHB Bank untuk terus bergabung dalam usaha mengurangkan jumlahnya, supaya menjadi lebih besar.

"Mereka boleh kekal sebagai 10 bank peneraju atau mereka boleh bergabung kerana kita juga mahu menggalakkan penggabungan di kalangan bank peneraju. Jadi, jika mereka mahu bergabung dengan bank lain, tak ada masalah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur.

Ditanya sama ada beliau menjangka penggabungan selanjutnya di kalangan bank teras itu dalam tahun ini, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata: "Kita tidak meminta mereka berbuat demikian untuk mengurangkan bilangan, tapi kita alu-alukan (penggabungan)."

RHB Bank dan Bank Utama (M) Bhd (Bank Utama) sedang berbincang untuk bergabung tetapi perselisihan pendapat mengenai harga menghalang janji niaga dicapai.

Menjawab soalan sama ada Bank Utama akan diberikan taraf bank peneraju jika ia berjaya menambah modal kepada RM2 bilion sebelum Jun ini, Dr Mahathir berkata: "Tak boleh, kita dah ada 10 bank (teras), tak ada lagi."

Sebelum ini, beliau berkata, bahawa Utama Banking Group (UBG) iaitu syarikat induk Bank Utama diberikan tempoh lanjutan selama enam bulan lagi sehingga pertengahan tahun ini untuk mencari rakan gabungan bagi bank itu daripada kalangan 10 bank peneraju sedia ada di negara ini.

(END)